

Amalkan kesederhanaan sosial – Tuanku Mizan

PUTRAJAYA – Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin (**gambar kecil**) bertitah menasihati semua rakyat negara ini agar sentiasa mengamalkan kesederhanaan sosial dalam setiap amalan mereka.

Baginda bertitah, kesederhanaan sosial dalam pelaksanaan sesuatu perkara secara berhemah, tidak bertindak secara melulu dan tidak pula menzalimi orang lain.

“Rakyat tidak sepatutnya memperbesarkan perselisihan yang kecil sebaliknya menyelesaikannya dengan cara yang terbaik,” titah baginda pada majlis sambutan Maal Hijrah 1433 peringkat kebangsaan di Pusat Konvensyen

Antarabangsa Putrajaya di sini semalam.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahrah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Norainee Abdul Rahman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Pada majlis yang bertemakan *Persefahaman Asas Perpaduan Ummah* itu, baginda turut menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.

Menteri Haji Arab Saudi, Dr. Fouad Abdul Salam dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa.

Seri Paduka Baginda juga bimbang dengan keadaan sosialisasi masyarakat negara ini yang semakin menebal dengan sifat individualistik walaupun berpuas hati dengan pencapaian ekonomi negara yang berkembang pesat seiring dengan negara-negara sedang membangun.

Tuanku Mizan juga menasihati rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum yang berbeza agama, budaya dan cara hidup supaya saling memahami keperluan dan menghormati perbezaan antara satu sama lain. – Bernama



ABDUL SHUKOR dan isterinya, Puan Sri Ramah Abd Manan berkongsi kejayaan bersama anak-anak selepas menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1433H di Putrajaya semalam.



ORANG RAMAI menyanyikan lagu *Negaraku* pada majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan di Putrajaya semalam.